

ANALISIS KEPERLUAN: PENGUASAAN KEMAHIRAN PRATULIS KANAK-KANAK PRASEKOLAH

Needs Analysis: The Mastery of Pre-School Children's Pre-Writing Skills

Wan Noor Syamimi Binti Wan Zamani Nor¹, Zaharah Binti Osman^{2*}

Fakulti Pembangunan Manusia, Universiti Pendidikan Sultan Idris Kampus Sultan Azlan
Shah, 35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

mimieyzamani@gmail.com¹, Zaharah@fpm.upsi.edu.my^{2*}

*Corresponding Author

Received: 06 Ogos 2024; **Accepted:** 22 November 2024; **Published:** 03 Januari 2025

To cite this article (APA): Wan Zamani Nor, W. N. S., & Osman, Z. (2025). Analisis keperluan: Penguasaan kemahiran pratulis kanak-kanak prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan, 14*(1), 13–23. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol14.1.2.2025>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/jpak.vol14.1.2.2025>

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis keperluan dalam penguasaan kemahiran pratulis dalam kalangan kanak-kanak prasekolah berumur 5 tahun. Instrumen utama yang digunakan ialah soal selidik yang melibatkan 30 orang guru prasekolah. Data yang dikumpul dianalisis secara kuantitatif menggunakan peratusan deskriptif melalui perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 27.0. Hasil kajian menunjukkan maklum balas positif daripada guru-guru prasekolah terhadap keperluan meningkatkan kemahiran pratulis kanak-kanak. Majoriti guru bersetuju dengan item-item yang dinyatakan, dengan nilai peratusan yang memuaskan. Ini menunjukkan bahawa aspek penguasaan kemahiran pratulis adalah kritikal dan perlu diberikan perhatian dalam pelaksanaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK). Implikasi kajian menunjukkan bahawa usaha meningkatkan kemahiran pratulis berpotensi memberikan kesan positif kepada perkembangan awal kanak-kanak. Intervensi yang sesuai dapat membantu mengukuhkan kemahiran motor halus dan koordinasi mata-tangan serta meningkatkan minat dan motivasi kanak-kanak dalam pembelajaran pratulis. Secara keseluruhan, kajian ini menekankan keperluan asas literasi awal yang kukuh bagi memastikan kanak-kanak lebih bersedia untuk memasuki pendidikan formal dengan kemahiran pratulis yang mantap.

Kata kunci: Kemahiran Pratulis, Kanak-kanak Prasekolah, Analisis Keperluan

ABSTRACT

This study aims to analyze the needs for mastering pre-writing skills among preschool children aged 5 years. The primary instrument used was a questionnaire involving 30 preschool teachers. The collected data were analyzed quantitatively using descriptive percentages through the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software version 27.0. The findings reveal positive feedback from preschool teachers regarding the need to enhance children's pre-writing skills. Most teachers agreed with the items listed, demonstrating satisfactory percentage values. These results highlight the critical importance of pre-writing skills in alignment with the National Preschool Standard Curriculum (KSPK). The implications of this study suggest that efforts to improve pre-writing skills have the potential to positively impact children's early development. Appropriate interventions can strengthen fine motor skills, hand-eye coordination, and foster children's interest and motivation in pre-writing learning. Overall, this study emphasizes the importance of establishing a solid foundation in early literacy to better prepare children for formal education with strong pre-writing abilities.

Keywords: Pre-Writing Skills, Preschool Children, Needs Analysis

PENGENALAN

Pendidikan adalah asas penting untuk pembangunan individu dan komuniti, membentuk asas untuk pencapaian akademik, kemahiran sosial, dan pembangunan moral. Di Malaysia, pendidikan bermula dari peringkat awal kanak-kanak hingga ke pendidikan tinggi, dengan tumpuan untuk menyediakan peluang pendidikan yang inklusif dan berkualiti untuk semua. Pendidikan awal kanak-kanak, khususnya, memainkan peranan penting dalam membentuk asas bagi perkembangan kognitif, emosi, fizikal dan sosial kanak-kanak.

Kemahiran pratulis merupakan asas penting dalam perkembangan literasi awal kanak-kanak prasekolah. Ia merangkumi pelbagai kemahiran yang diperlukan untuk menulis, termasuk koordinasi motor halus, kekuatan otot tangan, dan pemahaman tentang huruf dan nombor. Di peringkat prasekolah, kemahiran ini diperoleh melalui aktiviti yang melibatkan tangan dan jari, seperti melukis, mewarna, bermain doh, dan menyurih. Nor Amizah dan Christina Andin (2024) menyatakan bahawa kemahiran motor halus amat penting kerana keupayaan untuk menggunakan otot-otot kecil di tangan membolehkan kanak-kanak menjalankan tugas penjagaan diri secara bebas atau berdikari. Oleh yang demikian, kanak-kanak digalakkan untuk melibatkan diri dalam aktiviti yang menguatkan perkembangan otot mereka, termasuk menguasai kemahiran menulis.

Kemahiran pratulis bukan sahaja melibatkan aspek fizikal seperti memegang pensel dengan betul dan menggerakkan tangan untuk menulis, tetapi juga merangkumi pemahaman kognitif terhadap huruf dan nombor. Di samping itu, kemahiran pratulis juga membantu dalam pembangunan kemahiran bahasa dan komunikasi, yang penting untuk kejayaan akademik dan sosial mereka di kemudian hari. Seperti yang dinyatakan dalam kajian Tse, Siu, dan Li-Tsang (2019) menyatakan tulisan tangan merupakan bentuk yang signifikan kepada komunikasi bertulis sepanjang hidup mereka. Kebolehan kanak-kanak untuk dapat menulis dengan baik dan teratur perlu diberikan latihan awal bermula sejak dari kecil lagi (Ahmad Muaz et al., 2020).

Perkembangan yang seimbang dalam setiap domain berupaya membentuk kesediaan kanak-kanak dari segi kognitif, fizikal, sosial dan emosi sebelum melangkah ke pendidikan yang lebih formal pada peringkat seterusnya (Serpil Pekdogan dan Esra Akgul, 2017). Melalui aktiviti yang menyeronokkan dan interaktif, seperti permainan, nyanyian, dan bercerita, kanak-kanak boleh mengembangkan kemahiran ini dalam persekitaran yang positif dan menyokong. Oleh itu, terdapat keperluan untuk membantu guru dan ibu bapa dalam merangsang minat kanak-kanak untuk menulis dan memastikan mereka mendapat latihan yang mencukupi untuk menguasai kemahiran pratulis dengan baik.

Objektif Kajian

Secara spesifik kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

- i. Mengenal pasti keperluan dalam membantu penguasaan kemahiran pratulis kanak-kanak prasekolah.

Persoalan Kajian

- i. Apakah keperluan dalam membantu penguasaan kemahiran pratulis kanak-kanak prasekolah?

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk deskriptif kuantitatif untuk menganalisis keperluan terhadap penguasaan kemahiran pratulis dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Pendekatan ini dipilih kerana ia sesuai untuk memahami pandangan guru prasekolah mengenai keperluan dan kepentingan kemahiran pratulis berdasarkan data yang dikumpul melalui soal selidik.

Soal selidik digunakan sebagai instrumen utama untuk mendapatkan data daripada responden, iaitu 30 orang guru prasekolah. Reka bentuk ini bertujuan mengenal pasti tahap keperluan, kesesuaian item yang dinyatakan, dan sejauh mana kemahiran pratulis perlu diberikan perhatian dalam konteks pembelajaran awal kanak-kanak. Analisis data dilakukan menggunakan peratusan deskriptif dengan bantuan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) versi 27.0 untuk menghasilkan dapatan yang jelas dan bermakna.

DAPATAN KAJIAN

Maklumat Demografi

Jadual 1 dibawah menunjukkan data kajian yang memperincikan bahawa kesemua responden yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada guru prasekolah perempuan sahaja. Daripada 30 orang responden yang menjawab soal selidik ini, 100% adalah perempuan, manakala tiada responden daripada jantina lelaki. Taburan ini turut menggambarkan bahawa majoriti guru prasekolah adalah wanita, sejajar dengan trend semasa dalam profesion pendidikan awal kanak-kanak.

Maklumat Demografi

Jadual 1: Taburan Responden Berdasarkan Jantina

Jantina	Bilangan (N)	Peratus (%)
Lelaki	-	-
Perempuan	30	100
Jumlah	30	100

Dalam kajian ini (Jadual 2), responden terdiri daripada pelbagai latar belakang bangsa iaitu Melayu, Cina, India, dan lain-lain. Jadual 2 menunjukkan bahawa jumlah responden Melayu adalah seramai 30 orang (100%), manakala tiada responden daripada bangsa Cina, India, atau lain-lain yang terlibat. Data ini menunjukkan bahawa kesemua responden yang menjawab borang soal selidik ini adalah guru prasekolah berbangsa Melayu, manakala tiada penyertaan daripada guru prasekolah berbangsa Cina, India, atau lain-lain. Hal ini

mencerminkan bahawa majoriti guru prasekolah yang terlibat dalam kajian ini berasal daripada kumpulan etnik Melayu.

Jadual 2: Taburan Responden Berdasarkan Bangsa

Bangsa	Bilangan (N)	Peratus (%)
Melayu	30	100
Cina	-	-
India	-	-
Lain-lain	-	-
Jumlah	30	100

Jadual 3 menunjukkan taburan responden berdasarkan kategori umur. Majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini adalah dalam lingkungan umur 31 hingga 40 tahun, iaitu seramai sembilan orang (30%). Tiada responden dalam lingkungan umur 18 hingga 20 tahun yang menjawab soal selidik ini. Responden berumur 21 hingga 30 tahun pula seramai tujuh orang (23.3%), manakala responden berumur 41 hingga 50 tahun adalah enam orang (20%). Selain itu, responden yang berumur 51 tahun ke atas adalah seramai lapan orang (26.7%).

Hasil taburan ini menunjukkan bahawa kategori umur 31 hingga 40 tahun adalah kumpulan terbesar yang menjawab soal selidik ini, manakala tiada penyertaan daripada responden dalam lingkungan umur 18 hingga 20 tahun. Ini mencerminkan bahawa responden dalam kajian ini kebanyakannya adalah guru prasekolah yang berada dalam fasa pertengahan kerjaya mereka.

Jadual 3: Taburan Responden Berdasarkan Umur

Umur	Bilangan (N)	Peratus (%)
18 – 20 tahun	-	-
21 – 30 tahun	7	23.3
31 – 40 tahun	9	30
41 – 50 tahun	6	20
51 tahun dan ke atas	8	26.7
Jumlah	30	100

Dapatan kajian dalam Jadual 4 menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai kelayakan akademik sehingga peringkat Ijazah Sarjana Muda, iaitu seramai 30 orang (100%). Tiada responden yang memiliki tahap pendidikan SPM, Diploma, Ijazah Sarjana, atau Ijazah Doktor Falsafah (PhD) yang terlibat dalam kajian ini.

Tahap pendidikan responden ini memainkan peranan penting dalam menentukan keupayaan mereka memahami keperluan pembangunan dan penguasaan kemahiran pratulis dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Latar belakang akademik ini turut memberi keyakinan terhadap pandangan responden dalam memberikan maklum balas yang relevan untuk analisis keperluan kajian.

Jadual 4: Taburan Responden Berdasarkan Kelayakan Akademik

Kelayakan Akademik Tertinggi	Bilangan (N)	Peratus (%)
SPM	-	-
Diploma	-	-
Ijazah Sarjana Muda	30	100
Ijazah Sarjana	-	-
Ijazah Doktor Falsafah (PhD)	-	-
Jumlah	30	100

Jadual 5 dibawah menunjukkan bahawa majoriti responden mempunyai pengalaman mengajar antara 11 hingga 15 tahun, iaitu seramai 11 orang (36.6%). Ini diikuti oleh responden dengan pengalaman mengajar antara 1 hingga 5 tahun seramai lima orang (16.7%), 6 hingga 10 tahun seramai dua orang (6.7%), dan 16 hingga 20 tahun seramai tiga orang (10%). Selain itu, terdapat juga responden yang mempunyai pengalaman mengajar melebihi 21 tahun, iaitu sembilan orang (30%) yang mengisi borang soal selidik ini.

Pengalaman mengajar yang lebih lama biasanya memberikan guru kemahiran dan kebolehan yang lebih baik dalam memperkenalkan kemahiran pratulis kepada kanak-kanak prasekolah. Oleh itu, guru dengan pengalaman yang lebih lama berkemungkinan lebih mahir dalam merancang dan melaksanakan aktiviti pembelajaran pratulis yang efektif.

Jadual 5: Taburan Responden Berdasarkan Pengalaman Mengajar

Pengalaman Mengajar	Bilangan (N)	Peratus (%)
1 - 5 tahun	5	16.7
6 - 10 tahun	2	6.7
11 - 15 tahun	11	36.6
16 - 20 tahun	3	10
21 tahun dan ke atas	9	30
Jumlah	30	100

Akhir sekali, lokasi mengajar responden yang terlibat dalam kajian ini. Dapatan kajian dalam Jadual 6 menunjukkan bahawa majoriti responden mengajar di bandar, iaitu seramai 16 orang (53.3%), manakala 14 orang (46.7%) responden mengajar di luar bandar.

Hasil taburan responden berdasarkan lokasi mengajar ini menunjukkan bahawa responden yang mengajar di bandar merupakan kumpulan terbesar yang menjawab soal selidik ini, berbanding dengan responden yang mengajar di luar bandar yang hanya seramai 14 orang, menjadikannya kumpulan yang paling kecil dengan peratusan 46.7%.

Jadual 6: Taburan Responden Berdasarkan Lokasi Mengajar

Lokasi Mengajar	Bilangan (N)	Peratus (%)
Bandar	16	53.3
Luar Bandar	14	46.7
Jumlah	30	100

Dapatan utama bagi kajian ini adalah untuk menganalisis faktor-faktor dan kesan yang dihadapi oleh kanak-kanak prasekolah dalam menguasai kemahiran pratulis. Instrumen kajian ini mengandungi tujuh item yang menyatakan faktor dan kesan yang dihadapi oleh kanak-kanak prasekolah dalam perkembangan kemahiran pratulis mereka.

Hasil dapatan menunjukkan peratusan responden terhadap faktor-faktor yang mempengaruhi kemahiran pratulis kanak-kanak prasekolah. Bagi item pertama: Lima orang responden (16.7%) bersetuju bahawa kemahiran kanak-kanak dalam menggenggam pensel masih lemah disebabkan koordinasi mata dan pergerakan tangan mereka tidak seiring. Manakala, 25 orang responden (83.3%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini.

Bagi bahagian item kedua: Empat orang responden (13.3%) bersetuju bahawa ketidakcekapan koordinasi mata dengan tangan semasa aktiviti melibatkan pratulis disebabkan oleh ketidakupayaan kanak-kanak memegang pensel dengan betul. Namun, 26 orang responden (86.7%) sangat bersetuju dengan pernyataan ini.

Manakala bagi item ketiga: Enam orang responden (20%) bersetuju dan 24 orang responden (80%) sangat bersetuju bahawa kemahiran memegang pensel lemah kerana kekurangan pendedahan kepada aktiviti pratulis dalam persekitaran kanak-kanak.

Selain itu, item keempat: Empat orang responden (13.3%) bersetuju dan 26 orang responden (86.7%) sangat bersetuju dengan pernyataan bahawa masalah kemahiran motor halus yang melibatkan pergerakan jari akan menyebabkan kanak-kanak mengalami masalah untuk melakukan aktiviti seperti memegang pensel.

Seterusnya item kelima: Hanya tujuh orang responden (23.3%) bersetuju bahawa kurang penekanan tentang cara memegang alat tulis dengan betul boleh menyebabkan ketegangan pada tangan dan pergelangan tangan semasa menulis. Namun, 23 orang responden (76.7%) sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Manakala bagi item keenam: Tujuh orang responden (23.3%) bersetuju bahawa kurang pendedahan kepada aktiviti yang melibatkan kemahiran motor halus menyebabkan kanak-kanak tidak dapat memegang pensel dengan betul. Sementara itu, 23 orang responden (76.7%) sangat bersetuju dengan pernyataan tersebut.

Seterusnya, item ketujuh: Enam orang responden (20%) bersetuju dan 24 orang responden (80%) sangat bersetuju bahawa kekurangan sokongan dan bimbingan dalam meningkatkan kemahiran pratulis juga boleh menjadi faktor yang menyumbang kepada masalah dalam menulis.

Berdasarkan faktor-faktor dan kesan yang dinyatakan, kajian ini memberi penekanan kepada pentingnya pendekatan yang lebih fokus dan berkesan dalam menangani masalah-masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak prasekolah dalam menguasai kemahiran pratulis.

Jadual 7: Dapatan Analisis Keperluan Penguasaan Kemahiran Pratulis Kanak-Kanak Prasekolah

No	Item	Bilangan (N)				
		STS	TS	KS	S	SS
1.	Kemahiran kanak-kanak dalam mengggang pensel masih lemah disebabkan koordinasi mata dan pergerakan tangan mereka tidak seiring.	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	5 (16.7%)	25 (83.3%)
2.	Ketidakecapan koordinasi mata dengan tangan semasa aktiviti melibatkan pratulisan adalah disebabkan oleh ketidakupayaan kanak-kanak memegang pensel dengan betul.	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	4 (13.3%)	26 (86.7%)
3.	Kemahiran memegang pensel lemah kerana kekurangan pendedahan kepada aktiviti pratulisan dalam persekitaran kanak-kanak.	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	6 (20%)	24 (80%)
4.	Masalah kemahiran motor halus yang melibatkan pergerakan jari akan menyebabkan kanak-kanak mengalami masalah untuk melakukan aktiviti seperti memegang pensel.	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	4 (13.3%)	26 (86.7%)
5.	Kurang penekanan tentang cara memegang alat tulis dengan betul juga boleh menyebabkan ketegangan pada tangan dan pergelangan tangan semasa menulis.	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	7 (23.3%)	23 (76.7%)
6.	Kurang pendedahan kepada aktiviti yang melibatkan kemahiran motor halus menyebabkan kanak-kanak tidak dapat memegang pensel dengan betul.	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	7 (23.3%)	23 (76.7%)
7.	Kekurangan sokongan dan bimbingan dalam	0 (0.0%)	0 (0.0%)	0 (0.0%)	6 (20%)	24 (80%)

bersambung

meningkatkan kemahiran pratulis juga boleh menjadi faktor yang menyumbang kepada masalah dalam menulis.

PERBINCANGAN

Perbincangan hasil kajian ini bagi objektif pertama menunjukkan bahawa majoriti guru prasekolah bersetuju dengan tujuh item yang terkandung dalam soal selidik mengenai keperluan pembangunan kemahiran pratulis kanak-kanak prasekolah. Berdasarkan dapatan kajian, majoriti guru bersetuju dengan item pertama dan item kedua. Item pertama menyatakan bahawa kemahiran kanak-kanak dalam menggenggam pensel masih lemah disebabkan oleh koordinasi mata dan pergerakan tangan mereka yang tidak seiring.

Bagi item kedua pula, ketidakcekapan koordinasi mata dengan tangan semasa aktiviti pratulis disebabkan oleh ketidakupayaan kanak-kanak untuk memegang pensel dengan betul. Kajian lepas oleh Nur Izzati Kamaruddin et al. (2022) turut menyatakan bahawa koordinasi mata dan tangan yang tidak seiring menjadi faktor utama kemahiran menggenggam pensil yang lemah. Ini menunjukkan bahawa kemahiran memegang pensel dengan betul adalah penting untuk meningkatkan koordinasi mata-tangan dan kemahiran pratulis kanak-kanak.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan guru juga bersetuju dengan pernyataan dalam item ketiga dan item kelima. Item ketiga menyatakan bahawa kemahiran memegang pensel lemah kerana kekurangan pendedahan kepada aktiviti pratulis dalam persekitaran kanak-kanak. Sementara itu, item kelima menyatakan bahawa kurang penekanan tentang cara memegang alat tulis dengan betul boleh menyebabkan ketegangan pada tangan dan pergelangan tangan semasa menulis. Masalah ini selari dengan kajian oleh Anis Norma Mohammad Jaafar et al. (2022) yang menyatakan bahawa kekurangan aktiviti pratulis di sekolah dan di rumah adalah faktor penyumbang kepada masalah kemahiran menulis dalam kalangan kanak-kanak prasekolah.

Selain itu, kajian oleh Ahmad Muaz Muhd Hairi et al. (2020) menekankan bahawa latihan awal dalam kemahiran menulis, motor halus, dan koordinasi mata-tangan adalah penting untuk membina asas yang kukuh bagi kemahiran menulis kanak-kanak. Kekurangan pendedahan yang konsisten terhadap aktiviti pratulis boleh menyebabkan koordinasi mata-tangan yang lemah, sekaligus mengganggu kemahiran memegang pensel.

Bagi item keempat dan keenam, dapatan kajian menunjukkan majoriti guru bersetuju dengan pernyataan yang berkaitan dengan masalah kemahiran motor halus. Item keempat menyatakan bahawa masalah kemahiran motor halus yang melibatkan pergerakan jari akan menyebabkan kanak-kanak menghadapi kesukaran dalam melakukan aktiviti seperti memegang pensel. Manakala item keenam pula menyatakan bahawa kurang pendedahan kepada aktiviti yang melibatkan kemahiran motor halus menyebabkan kanak-kanak tidak dapat memegang pensel dengan betul.

Hasil kajian ini adalah selaras dengan kajian oleh Noraina Maliha Ismail et al. (2023), yang menyatakan bahawa masalah koordinasi mata-tangan dan ketidakupayaan memegang pensel dengan betul adalah disebabkan oleh kurangnya pendedahan kepada aktiviti yang sesuai untuk mengasah kemahiran motor halus kanak-kanak.

Akhir sekali, bagi item ketujuh, majoriti guru prasekolah bersetuju dengan pernyataan mengenai kekurangan sokongan dan bimbingan dalam meningkatkan kemahiran pratulis sebagai faktor penyumbang kepada masalah menulis kanak-kanak. Kajian lepas oleh Azreena Aqilah Azlan (2024) menyatakan bahawa kurangnya perhatian daripada guru menyebabkan murid tidak dapat berfikir secara kreatif dan kritis serta gagal menghasilkan idea yang bernas. Hal ini berlaku kerana pendekatan pengajaran yang terlalu menumpukan kepada pencapaian akademik dan sukatan pelajaran mengabaikan aspek perkembangan asas kanak-kanak, seperti kemahiran pratulis. Oleh itu, pengkaji mencadangkan pembangunan alat bantu mengajar yang sesuai dengan masalah ini untuk membantu kanak-kanak meningkatkan kemahiran pratulis mereka bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

IMPLIKASI KAJIAN

Implikasi kajian ini berkait rapat dengan hasil analisis keperluan yang dijalankan dalam kajian ini, yang menunjukkan keperluan mendesak bagi peningkatan kemahiran pratulis dalam kalangan kanak-kanak prasekolah. Berdasarkan analisis keperluan yang melibatkan guru prasekolah, majoriti responden menunjukkan persetujuan yang tinggi terhadap beberapa faktor yang mempengaruhi kemahiran pratulis kanak-kanak. Antaranya, guru bersetuju bahawa kemahiran menggenggam pensel kanak-kanak masih lemah disebabkan oleh kurangnya koordinasi mata dan pergerakan tangan, serta kurangnya pendedahan kepada aktiviti pratulisan yang konsisten.

Implikasi utama daripada dapatan kajian ini menunjukkan bahawa guru perlu lebih peka terhadap pentingnya latihan awal untuk meningkatkan koordinasi mata-tangan dan kemahiran motor halus kanak-kanak. Dengan memahami keperluan ini, pengkaji percaya bahawa pendekatan yang lebih teratur dalam menyediakan aktiviti pratulis yang sesuai dapat membantu memperbaiki masalah yang dihadapi oleh kanak-kanak. Misalnya, bagi item yang menunjukkan ketidakcekapan koordinasi mata-tangan semasa aktiviti menulis, penekanan terhadap pengajaran yang melibatkan pendedahan lebih kepada aktiviti pratulisan di peringkat awal sangat penting untuk mengatasi masalah ini. Ini sekaligus meningkatkan keyakinan guru dalam menyusun dan merancang aktiviti yang dapat membantu kanak-kanak menguasai kemahiran ini dengan lebih berkesan.

Berdasarkan analisis keperluan ini, satu implikasi yang dapat dirumuskan adalah perlunya pengembangan kaedah pengajaran yang lebih berstruktur dan disesuaikan dengan keperluan kanak-kanak. Sebagai contoh, dengan adanya lebih banyak latihan yang memberi tumpuan kepada penguasaan kemahiran motor halus dan teknik memegang alat tulis yang betul, kanak-kanak akan dapat menguasai kemahiran pratulis dengan lebih baik. Oleh itu, kesimpulan yang boleh diambil daripada kajian ini ialah, jika keperluan-keperluan yang dikenalpasti dalam analisis keperluan ini dipenuhi, ia bukan sahaja akan mempertingkatkan kemahiran pratulis kanak-kanak, tetapi juga menyokong perkembangan awal mereka secara keseluruhan.

Secara keseluruhannya, implikasi kajian ini menekankan kepentingan untuk menyediakan pendekatan yang lebih berkesan dalam meningkatkan kemahiran pratulis kanak-kanak prasekolah berdasarkan analisis keperluan yang dijalankan. Dengan pemahaman yang lebih mendalam tentang faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan kemahiran pratulis kanak-kanak, langkah-langkah yang lebih tepat dapat diambil untuk membantu guru dan ibu bapa dalam menyediakan sokongan yang diperlukan.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian analisis keperluan ini menunjukkan bahawa guru prasekolah secara jelas mengakui keperluan untuk lebih banyak sokongan dalam membantu kanak-kanak menguasai kemahiran pratulis. Berdasarkan dapatan kajian, majoriti guru bersetuju dengan faktor-faktor yang mempengaruhi penguasaan kemahiran pratulis, seperti koordinasi mata-tangan yang lemah, kekurangan pendedahan kepada aktiviti pratulis, serta kurangnya teknik yang betul dalam memegang alat tulis. Kajian ini memberi gambaran bahawa guru prasekolah memerlukan pendekatan yang lebih teratur dan sistematik dalam menyediakan aktiviti yang dapat meningkatkan kemahiran ini dalam kalangan kanak-kanak.

Analisis keperluan yang dijalankan membuktikan bahawa terdapat keperluan mendesak untuk menyediakan sokongan tambahan kepada guru dalam usaha menangani cabaran ini. Guru memerlukan bahan atau kaedah yang membantu mereka merancang dan melaksanakan aktiviti yang berkesan, yang dapat memberi tumpuan kepada kemahiran motor halus dan teknik memegang alat tulis dengan betul. Dalam hal ini, kajian ini menekankan pentingnya pengajaran yang lebih berstruktur dan terfokus bagi meningkatkan koordinasi mata-tangan kanak-kanak serta memperkenalkan mereka kepada aktiviti pratulis yang sesuai dan konsisten.

Sebagai kesimpulan, kajian ini menegaskan bahawa pengenalan kepada alat atau pendekatan yang menyokong perkembangan kemahiran pratulis sangat penting. Keperluan-keperluan yang dikenalpasti melalui analisis ini jelas menunjukkan bahawa guru memerlukan sumber yang dapat membantu mereka memenuhi cabaran ini secara berkesan. Oleh itu, kajian ini memberikan asas yang kukuh bagi penyediaan bahan pengajaran yang relevan dan berkesan untuk meningkatkan kemahiran pratulis kanak-kanak prasekolah, serta memberi sokongan kepada guru dalam proses pengajaran mereka.

RUJUKAN

- Abdul Halim Masnan, Nur Ellina Anthony, & Nur Arifah Syahindah Zainudin. (2019). Pengetahuan Pengajaran Dalam Kalangan Guru Prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 8, 33-41. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/3156/2170>
- Ahmad Muaz Muhd Hairi, Nik Nur Syazwani Ibrahim, & Azyati Zahirah Asnil Aimi. (2020). Tahap Penguasaan Kemahiran Menulis Kanak-Kanak 5+ dan 6+ Tahun. *Jurnal Kesidang*, 5. <https://unimel.edu.my/journal/index.php/JK/article/view/769/61599-111>.
- Anis Norma Mohammad Jaafar, Prabhakaran, Shobana., Hasrul Hosshan, Mohd Muslim Md Zalli, & Mohd Afifi Bahurudin Setambah. (2022). Penggunaan Kit 'My Fimoki' dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Kanak-Kanak Prasekolah. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8). <https://msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/1689/1201>
- Azreena Aqilah Azlan. (2024). Aplikasi Visual Montaj Tokoh Seni Kraf Malaysia melalui Seni Visual Tingkatan 1. *KUPAS SENI*, 12(1), 37-45. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/download/9399/4945>
- Mohamad Albaree Abdul, Zaharah Osman, Saedah Siraj, Norhafizi Mohd Arof, & Hazhari Ismail. (2022). Pandangan Guru Tadika Terhadap Aspek Kemahiran Sosial dalam Kalangan Kanak-Kanak: Satu Analisis Keperluan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 11(2), 1-12. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/7098/4244>
- Mohammad Nurulnuar Hussin & Jamilah Mohd Basir. (2024). Keberkesanan Pembangunan Modul Kemahiran Membaca Kanak-Kanak Prasekolah: Sorotan Literatur Bersistematik. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 13(1), 116-128. <https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/9326/5064>
- Nabilah Asha, Saedah Siraj, Hazhari Ismail, Romarzila Omar, Suzatul Akmar Samad, & Enayatul Fadliyah Ninari. (2020). Penggunaan Big Book Dalam Kalangan Guru Tadika Untuk Perkembangan Literasi Kanak-Kanak.

- Jurnal Pendidikan Awal Kanak-kanak Kebangsaan*, 9, 106-112.
<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JPAK/article/view/4542/2691>
- Noraina Maliha Ismail, Andi Nur Nabilah Syafiqah Bacho, & Annur Khalisah Mohamed Raffee. (2023). Keupayaan Menguasai Kemahiran Menulis Menggunakan Pensel Besar Berbentuk Segi Tiga. *Jurnal Kesidang*, 8, 30-45. <http://www.unimel.edu.my/journal/index.php/JK/article/view/1479/1175>
- Nor Amizah & Christina Andin. (2024). Rangsangan Kemahiran Motor Halus dan Kognitif Murid Prasekolah Menggunakan Playdough. *Jurnal Pemikir Pendidikan*, 12(1), 73-82. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/jurnal-pemikir-pendidikan/article/view/5009>
- Nur Ain Kamal, Maizatul Najwa Jajuli, & Mohd Azlan Nafiah. (2023). Pembangunan dan Persepsi Kebolehgunaan MultaTLC dalam Kalangan Pelajar Kimia di UPSI. E-Prosiding Projek Penyelidikan Tahun Akhir Jabatan Kimia, 1(1), 51-55. E-PROSIDING-2023-Issue-1-1.pdf#page=30.pdf
- Nurul Izzati Kamaruddin, Anis Norma Mohammad Jaafar, & Roslina Omar. (2022). Penggunaan bahan Bantu Mengajar “LPS” dalam Meningkatkan Kemahiran Menulis Kanak-Kanak 5 Tahun. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 15, 172-185. <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/JPB/article/download/7184/3700/32728>
- Pekdogan, S. & Akgul, E. 2017. Preschool children’s school readiness. *International Education Studies* 10(1).
- Tse, L. F. L., Siu, A. M. H. & Tsang, C. W. P (2019). Assessment of early handwriting skill in kindergarten children using a Chinese name writing test. *Reading and writing*, 32(2), 265-284. <https://link.springer.com/article/10.1007/s11145-018-9861-6>